

21 JUN 2001

Umno-Haprak

PERDANA MENTERI POPULARKAN PERKATAAN "HAPRAK"

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perkataan "haprak" hari ini menjadi popular di kalangan perwakilan dan mereka yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno ke-55 setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyebut perkataan itu beberapa kali dalam ucapan dasarnya pagi ini.

Haprak yang merupakan bahasa daerah utara Semenanjung, merujuk kepada golongan tidak berguna yang sentiasa memikirkan kepentingan diri sendiri.

Golongan itu dicap oleh Dr Mahathir sebagai haprak kerana sikap mereka yang suka membodek orang asing dan begitu gembira jika "dicampakkan gula-gula oleh "Mat Salleh".

Presiden Umno itu menyebut perkataan haprak sebanyak empat kali dalam ucapan dasarnya semasa perasmian Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata: "Sebenarnya mereka yang haprak ini tidak ada apa-apapun selain daripada yang kita anugerahkan kepada mereka".

Perkataan haprak itu sekali lagi disebut semasa Dr Mahathir menyentuh sikap sesetengah orang Melayu yang menjadi pengkhianat dan menyokong serangan orang asing ke atas orang Melayu.

Sebelum menutup ucapannya, Dr Mahathir sekali lagi menarik perhatian perwakilan terhadap perkataan haprak itu dengan merujuk sesetengah orang Melayu yang menjadi kaki bodek orang asing.

"Ramai orang Melayu yang akan jadi kaki bodek orang asing, yang ingin dipuji kerana mereka kononnya begitu progresif dan serba tahu. Mereka lebih teruk daripada orang asing ini. Hari ini pun kita boleh kesan haprak ini," katanya.

-- BERNAMA

ZAI ZS LAT